

## POIC Lahad Datu anjur taklimat keselamatan untuk pelabur

LAHAD DATU: POIC Sabah Sdn Bhd, pemaju Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) di Lahad Datu, menganjurkan sesi taklimat mengenai isu keselamatan di bahagian timur Sabah.

POIC dalam kenyataan di sini pada Selasa berkata sesi itu diadakan bagi menangani kebimbangan para pelabur di POIC, yang terletak di Zon Selamat Timur Sabah (Esszone) susulan perbuatan menculik di luar pantai timur Sabah.

Antara penceramah pada sesi itu ialah Pemerintah Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) Datuk Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid dan para pegawai kanan Esscom.

Menjawab soalan peserta, Wan Abdul Bari berkata kebanyakan penculikan dilakukan penjenayah rentas sempadan di

perairan Sabah dan melibatkan kapal yang tidak mengendahkan garis panduan dikeluarkan pihak berkuasa keselamatan.

Menurut Wan Abdul Bari, buku panduan tentang langkah dan perkara yang perlu dilakukan semasa berlaku keceemasan boleh didapati di Jabatan Laut.

“Kita, iaitu pasukan keselamatan dan orang ramai, nelayan, pemilik bot nelayan atau tongkang, perlu memainkan peranan untuk tidak memudahkan jenayah dilakukan,” katanya.

Beliau berkata hingga kini, lapan penculikan berlaku tahun ini, yang melibatkan tongkang dan bot penangkapan ikan berhampiran sempadan maritim dengan Filipina dan kejadian berlaku kerana terdapat peluang untuk melakukannya.